

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 OKTOBER 2022

AKHBAR : HAKAH

MUKA SURAT : 29

7,615 projek pembangunan baru di Kelantan

7,615 projek pembangunan baru di Kelantan

BACHOK: Sebanyak 7,615 projek pembangunan akan dilaksanakan tahun depan menerusi Bajet 2023 yang diumumkan kerajaan baru-baru ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata ianya termasuk 1,724 projek baharu dan 5,891 projek sambungan sebelum ini.

Katanya, projek pembangunan berkenaan, termasuk dalam perbelanjaan pembangunan berjumlah RM95 bilion.

“Saya dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali akan memperkerusi mesyuarat pemudah cara bagi pelaksanaan projek pembangunan ini.

“Mesyuarat ini dengan semua kementerian untuk memastikan mereka bersedia dengan pelan pelaksanaan masing-masing,” katanya pada program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia di Masjid Kubang Golok, 10 Oktober lalu.

Tambahnya, selain projek pembangunan, projek naik taraf dan penyelenggaraan aset kerajaan, termasuk jalan



Menteri ketika bertanya khabar Zarina ketika menziarahi wanita itu di perkarangan rumahnya

negeri, jalan Persekutuan, sekolah serta institusi pendidikan lain dan aset Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) turut dipertingkatkan.

“Peruntukan turut diberikan lima kali ganda kepada golongan miskin tegar menerusi dana daripada RM150 juta untuk 10,000 isi rumah kepada RM700 juta untuk 50,000 isi rumah,” katanya.

Beliau yang juga Anggota Parlimen Jeli seterusnya berkata, sehingga 3 September seramai 129,395 miskin tegar direkodkan membabitkan lima negeri yang tertinggi miskin tegar di Sarawak, Sabah, Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah.

“Semua peruntukan ini

bagi mendukung Rancangan Malaysia Ke-12 bagi mencapai objektif keluarga Malaysia makmur, inklusif dan mampan,” katanya.

Terdahulu salah seorang penerima bantuan Program Basmi Miskin Tegar Keluarga Malaysia, Siti Zarina Yaacob, 45 di Kampung Lubang Golok, dikunjungi Mustapha.

Zarina juga salah seorang penerima bantuan PBMT yang akan memulakan perniagaan kecilan mee celup di hadapan rumahnya.

Beliau mengucapkan terima kasih pada kerajaan Persekutuan dan menteri ekonomi itu kerana perihatin terhadap masyarakat berpendapatan rendah, termasuk dirinya.